

# KRITERIA HADIAH SISWAZAH UNIVERSITI

## 1. MAKLUMAT DAN KRITERIA PENCALONAN HADIAH SISWAZAH UNIVERSITI

Bil.	Perkara	Pingat Emas Doktor Falsafah	Pingat Emas Master Secara Penyelidikan (dengan tesis)	Hadiah Buku Tahunan MTDC (Inovasi/ Pengkomersilan/ Perniagaan)
<b>A</b>	<b>MAKLUMAT UMUM</b>			
<b>1.</b>	<b>Penaja</b>	Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn. Bhd.	Kunci Eramas Sdn. Bhd.	Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC)
	<b>Bilangan Penerima Anugerah</b>	Seorang	Seorang	Seorang
	<b>Bentuk Hadiah</b>	Pingat Emas (RM1000)	Pingat Emas (RM500)	Hadiah Buku (RM500)
		Wang tunai RM3,500.00	Wang tunai RM3,000	Wang Tunai RM3,000
		Sijil Pengiktirafan	Sijil Pengiktirafan	Sijil Pengiktirafan
<b>B1</b>	<b>SYARAT UMUM</b>			
1.	Calon hendaklah telah menerbitkan sekurang-kurangnya <b>tiga (3)</b> kertas kerja dalam jurnal yang mana salah satunya hendaklah pada tahap Q2.	Calon hendaklah telah menerbitkan sekurang-kurangnya <b>dua (2)</b> kertas kerja dalam jurnal yang mana salah satunya pada tahap Q4.	Tesis yang dikenal pasti untuk menerima hadiah perlu memenuhi kriteria berdasarkan <i>score sheet</i> yang telah ditetapkan.	
2.	Tesis calon hendaklah mempunyai nilai komersil atau nilai polisi atau nilai fundamental.	Tesis calon hendaklah berpotensi mempunyai nilai komersil atau nilai polisi.	Telah menghasilkan produk/proses/kaedah/ pandangan baru ( <i>new insight</i> ) berimpak tinggi dari segi inovasi (termasuk inovasi sosial) atau pengkomersilan atau perniagaan ataupun kombinasi perkara-perkara ini.	
3.	Tesis calon hendaklah memberi impak dan/atau nilai komersial kepada masyarakat dan industri.	Tesis yang berpotensi memberi impak dan/atau nilai komersial kepada masyarakat dan industri.	Menunjukkan kualiti penyelidikan dan penulisan yang tinggi seperti yang telah ditetapkan oleh penilai.	
4.	Calon hendaklah mempamerkan ciri kepimpinan dalam kegiatan pelajar dan lulus temu duga yang ditetapkan.	Calon hendaklah mempamerkan ciri kepimpinan dalam kegiatan pelajar lulus temu duga yang ditetapkan.	Sebahagian daripada penyelidikan yang berkaitan dengan tesis telah diterbitkan di dalam jurnal berimpak tinggi/jurnal berwasit atau memenangi hadiah di peringkat nasional atau antarabangsa dan lulus temu duga yang ditetapkan	

5.	Tidak pernah gagal atau menangguh pengajian.	Tidak pernah gagal atau menangguh pengajian.	Tidak pernah gagal atau menangguh pengajian
6.	Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib.	Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib.	Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib
7.	Pelajar Sepenuh Masa yang menamatkan pengajian dalam jangka masa 7 semester ke bawah.	Pelajar Sepenuh Masa yang menamatkan pengajian dalam jangka masa 4 semester ke bawah.	Calon pelajar mesti menamatkan pengajian dalam jangka masa 4 semester ke bawah bagi program Master dan 8 semester ke bawah bagi program PhD.